



**Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif**

**EKSPLORASI KAIN PERCA MENGGUNAKAN TEKNIK  
MANIPULASI FABRIK DALAM PENGHASILAN  
AKSESORI FESYEN**

**Zyra Doren Binti Malin  
(54315)**

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dan Kreatif dengan Kepujian  
(Teknologi Seni Reka)  
2018**

**EKSPLORASI KAIN PERCA MENGGUNAKAN TEKNIK MANIPULASI FABRIK  
DALAM PENGHASILAN AKSESORI FESYEN.**

**ZYRA DOREN BINTI MALIN**

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian  
( Teknologi Seni Reka)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2018

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: \_\_\_\_\_

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the 26 July 2018

Student's Declaration:

I ZYRA DOREN BINTI MALIN (54315) from FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ART hereby declare that the work entitled *EKSPLORASI KAIN PERCA MENGGUNAKAN TEKNIK MANIPULASI FABRIK DALAM PENGHASILAN AKSESORI FESYEN* is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources with the exception where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text. Nor has any part of the work been written for me by another person.

26/06/2018  
Date Submitted

  
ZYRA DOREN BINTI MALIN (54315)

Supervisor's Declaration:

I EN. ASRUL ASSHADI BIN MOHAMAD MORNI hereby certify that the work entitled *EKSPLORASI KAIN PERCA MENGGUNAKAN TEKNIK MANIPULASI FABRIK DALAM PENGHASILAN AKSESORI FESYEN* was prepared by the aforementioned or above mentioned student, and was submitted to the "FACULTY" as a \*partial/full fulfillment for the conferment of **BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (DESIGN TECHNOLOGY)**, and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the student's work.

Received for examination by: Asrul Asshadi Mohamad Morni  
Lecturer

EN. ASRUL ASSHADI BIN MOHAMAD MORNI  
Faculty of Applied and Creative Arts  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Date: 26/06/2018

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN**

JUDUL: EKSPLOKASI KAIN PERCA MENGGUNAKAN TEKNIK MANIPULASI FABRIK DALAM PENGHASILAN AKSESORI FESYEN.

**SESI PENGAJIAN : 2015/2016**

Saya : ZYRA DOREN BINTI MALIN

Mengaku membenarkan tesis/laporan\* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Tesis/Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. \*sila tandakan( / )

SULIT

TERHAD

TIDAK TERHAD

/

(mengandungi maklumat yang berdjajah keselamatan atau kepentingan termaktub di dalam **AKTA RAHSIA RASMI 1972**)

(mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan di ajarkan)

Tandatangan Penulis

Tarikh :

Alamat tetap :  
Kampung Gansurai p/s 465,  
89158 Kota Belud, Sabah.

Tandatangan Penyelia

Asrul Ashidi Mohamad Morni

Lecturer

Faculty of Applied and Creative Arts  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

28/06/2018

Catatan: \*Tesis/Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

\*Jika Tesis/Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/laporan ini perlu sebagai SULIT atau TERHAD

## PENGAKUAN

Projek bertajuk **EKSPLORASI KAIN PERCA MENGGUNAKAN TEKNIK MANIPULASI FABRIK DALAM PENGHASILAN AKSESORI FESYEN** telah dihasilkan oleh **ZYRA DOREN BINTI MALIN** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dan Kreatif Kepujian. (Teknologi Seni Reka)

**Asrul Asshadi Mohamad Morni**  
Lecturer  
Faculty of Applied and Creative Arts  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Disahkan oleh;

26/06/2018.

(EN ASRUL ASSHADI BIN MOHAMAD MORNI)  
Penyelia

## PENGESAHAN

Adalah ini diakui bahawa saya, **ZYRA DOREN BINTI MALIN** disertai penulisan yang bertajuk **EKSPLORASI KAIN PERCA MENGGUNAKAN TEKNIK MANIPULASI FABRIK DALAM PENGHASILAN AKSESORI** sebagai sebahagian daripada keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dan Kreatif dalam Program Teknologi Seni Reka diterima.

**Asrul Asshadi Mohamad Morni**  
Lecturer  
Faculty of Applied and Creative Arts  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Disahkan oleh:

28/06/2018

(EN. ASRUL ASSHADI BIN MOHAMAD MORNI)

Penyelia

## **PENGHARGAAN**

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur kepada Tuhan kerana dengan berkatNya saya dapat menyelesaikan penulisan ini. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada En. Asrul Asshadi Bin Mohamad Morni selaku penyelia utama saya yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, dorongan, sokongan dan kritikan yang membina sepanjang kajian ini dijalankan. Selain itu, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah Teknologi Seni Reka yang turut serta memberi bimbingan, pandangan serta tunjuk ajar kepada saya.

Tidak lupa juga kepada keluarga saya yang sentiasa memberikan dokongan dan sering mendoakan yang terbaik bagi saya. Mereka banyak menyalurkan dorongan serta bantuan yang sangat banyak sepanjang perjuangan saya dalam mencapai cita-cita saya.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung menghulurkan bantuan dan semangat sepanjang kajian ini belangsung.

## ISI KANDUNGAN

Perkara	Muka surat
PENGHARGAAN	i
ISI KANDUNGAN	ii- v
Abstrak	vi
<i>Abstract</i>	<i>vii</i>
BAB 1: LATAR BELAKANG KAJIAN	
1.0 Latar belakang kajian	1-2
1.1 Pernyataan Masalah	3
1.2 Persoalan Kajian	3
1.3 Objektif Kajian	3
1.4 Kepentingan Kajian	4
1.5 Skop Kajian	4
1.6 Limitasi Kajian	4
1.7 Hipotesis Kajian	5
1.8 Kesimpulan	5

## BAB 2: SOROTAN KAJIAN

2.0	Pengenalan	6
2.1	Kajian Lepas	6 - 7
2.2	Kerangka Kajian	8 - 9
2.3	Kesimpulan	9

## BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	10
3.1	Metodologi Kajian	10 - 11
3.2	Data Primer	12 - 17
3.2.1	Pemerhatian	12
3.2.2	Borang Soal Selidik	12 - 13
3.2.3	Eksperimentasi	14 - 17
3.3	Data Sekunder	17 - 18
3.3.0	Laman Sesawang	17
3.3.1	Bahan Berjilid	18

3.4	Kesimpulan	18
-----	------------	----

#### **BAB 4: HASIL DAPATAN KAJIAN**

4.0	Pengenalan	19
4.1	Pemerhatian Kedai Aksesori	19 - 21
4.2	Data Analisa Borang Soal Selidik	21 - 37
4.3	Eksperimentasi	37
4.4	Kesimpulan	38

#### **BAB 5: PRODUK AKHIR**

5.0	Pengenalan	39
5.1	Proses Rekaan	40
5.2	Perkembangan Idea	41
5.3	Motif	42
5.4	Rekaan Produk	43 - 50
5.5	Kesimpulan	50

## **BAB 6: VALIDASI PRODUK**

6.0	Pengenalan	51
6.1	Proses Validasi	51 - 53
6.2	Kekuatan Produk	53
6.3	Kelemahan Produk	54
6.4	Kesimpulan	54

## **BAB 7: KESIMPULAN**

LAMPIRAN	56 - 69
Harta Intelekt	56 - 58
Borang Soal Selidik	59 - 62
Borang Validasi	63 - 66
Papan Konsep	67
Panel	67
RUJUKAN	68

## **ABSTRAK**

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti teknik manipulasi fabrik yang sesuai diaplikasikan pada kain perca untuk menghasilkan aksesori fesyen. Eksperimentasi dijalankan ke atas fabrik untuk mengenalpasti teknik yang sesuai. Kain perca dikaji untuk menghasilkan produk baru sebagai langkah atau inisiatif penggunaan semula kain perca dalam industri fesyen.

## *ABSTRACT*

*The purpose of this research is to identify the techniques of fabric manipulation that can be applied to leftover fabric in order to produce an accessories collection. Experimentation of fabric manipulation is done to classify the techniques of fabric manipulation. Wasted fabric use as the main material in producing an accessories as an initiative to prevent waste fabric from being wasted.*

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 LATAR BELAKANG KAJIAN**

##### **1.0.1 Kain Perca**

Menurut Iqbal A, kain perca merupakan lebih kain yang berasal daripada sisa kain dalam penghasilan pakaian. Kain perca sering kali dibuang kerana tidak digunakan lagi. Berdasarkan kajian Bennet, beliau menyatakan bahawa banyak kain perca yang terbiar hasil dari lebih kain. Beliau turut menyatakan, kain merupakan antara bahan kitar semula yang mudah dikitar semula untuk menghasilkan produk yang baru. Fidlin menyatakan dalam kajian statistik beliau, jumlah lebih kain yang dibuang di Amerika Syarikat adalah sebanyak 11.1 juta pada tahun 2015.

Unumnya hanya, segelintir masyarakat yang menggunakan semula kain perca untuk menghasilkan produk lain seperti peralatan rumah seperti tabir, kain lap kaki, sarung bantal, alas meja, selimut dan sebagainya. Kain perca mempunyai nilai estetika yang tinggi bergantung dengan kreativiti seseorang. Selain daripada menghasilkan barangan keperluan rumah, kain perca juga dapat digunakan sebagai bahan dalam penghasilan aksesori fesyen seperti rantai, gelang tangan, kerongsang dan banyak lagi. Kini terdapat banyak aksesori fesyen yang dihasilkan daripada fabrik mulai dijual dipasaran. Namun, penggunaan semula kain perca dalam penghasilan aksesori fesyen masih kurang dipraktikkan terutamanya masyarakat tempatan.

### **1.0.2 Manipulasi Fabrik**

Manipulasi fabrik ialah teknik yang digunakan untuk menghasilkan tekstura pada permukaan kain. Teknik manipulasi fabrik merupakan proses mereka bentuk kain dengan menjahit, membakar, menggunting dan menyulam bagi menghasilkan tekstura pada permukaan kain untuk mendapatkan efek yang menarik pada kain. Teknik tersebut sering diaplikasikan dalam industri fesyen untuk mendapatkan tekstura dan *silhouette* yang menarik pada sesuatu rekaan pakaian. Teknik manipulasi fabrik juga sering diaplikasikan pada sarung bantal bahkan aksesori seperti beg tangan dan sebagainya.

### **1.0.3 Pengertian Aksesori**

Aksesori terdiri daripada kasut, rantai, beg, jam, skaf, topi dan tali pinggang. Aksesori pada masa sekarang sudah tidak asing lagi dalam industri fesyen tidak kira kaum lelaki mahu pun wanita. Menurut Ariel Beaujot, semasa zaman Victoria aksesori berfungsi sebagai garis petunjuk pada status seseorang wanita dan mewujudkan perbezaan jantina antara wanita dengan lelaki. Susan Hiner juga menyatakan bahawa golongan wanita pada abad ke-19 di Perancis menggunakan aksesori untuk mengekalkan kedudukan status sosial mereka pada ketika itu. Namun, pada masa sekarang aksesori digunakan untuk menambah keterampilan seseorang.

## **1.1 PERNYATAAN MASALAH**

Pernyataan masalah kajian ialah seperti berikut:

- Inisiatif penggunaan semula kain perca di pasaran tempatan kurang dipraktikkan oleh masyarakat tempatan dalam penghasilan aksesori.
- Aksesori yang dihasilkan daripada kain perca masih kurang di pasaran.

## **1.2 PERSOALAN KAJIAN**

Persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

- Apakah trend terkini aksesori yang dihasilkan daripada fabrik dalam pasaran?
- Bagaimanakah proses penghasilan aksesori daripada kain perca dijalankan?

## **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian pengkaji dijalankan adalah seperti berikut:

- Mengenal pasti teknik manipulasi fabrik yang sesuai diaplikasikan pada kain perca untuk menghasilkan aksesori fesyen.
- Menjalankan eksperimentasi teknik manipulasi fabrik.
- Menghasilkan satu koleksi aksesori yang diperbuat daripada kain perca.
- Membuat validasi produk.

#### **1.4 KEPENTINGAN KAJIAN**

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mencari inisiatif lain penggunaan semula kain perca. Selain itu, memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai potensi kain perca dalam penghasilan aksesori. Dalam kajian ini pengkaji menjalankan eksperimentasi menggunakan kain perca dengan mengaplikasikan teknik manipulasi fabrik.

#### **1.5 SKOP KAJIAN**

Skop kajian pengkaji adalah mengeksperimentasi teknik dan mengeksplorasi jenis-jenis manipulasi fabrik. Kajian ini akan dijalankan di Bengkel dan Studio Tekstil dan Fesyen, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak, UNIMAS. Pengkaji akan mengenal pasti jenis manipulasi fabrik yang sesuai digunakan untuk menghasilkan aksesori yang diperbuat daripada kain perca.

#### **1.6 LIMITASI KAJIAN**

Kajian fokus kepada penghasilan aksesori fesyen daripada kain perca dengan mengaplikasikan teknik fabrik manipulasi. Kajian ini juga terhad kerana bahan yang digunakan untuk menghasilkan aksesori ialah kain perca. Cabaran pengkaji dalam kajian ini adalah menghasilkan sebuah aksesori yang sesuai dengan trend aksesori semasa menggunakan jenis, warna dan kuantiti kain perca yang terhad.

## **1.7 HIPOTESIS KAJIAN**

Pengkaji mengandaikan bahawa menggunakan kain perca dalam penghasilan aksesori merupakan satu inisiatif penggunaan semula kain perca. Penggunaan kain perca juga menjimatkan kos bahan dan sesuai untuk digunakan dalam penghasilan aksesori. Teknik manipulasi fabrik diaplikasikan pada fabrik untuk mendapatkan tekstura pada permukaan kain.

## **1.8 KESIMPULAN**

Kesimpulannya, penggunaan semula kain perca dalam penghasilan aksesori dapat mengurangkan jumlah statistik pembuang kain perca. Selain itu, mengurangkan pencemaran alam sekitar. Penghasilan aksesori daripada kain perca juga dapat membuka minda ramai orang tentang potensi kain perca dalam industri fesyen. Kain perca bukan sahaja berpotensi dalam industri fesyen bahkan mempunyai potensi lain. Misalnya, dihasilkan sebagai bahan keperluan rumah seperti selimut, alas meja dan alas kaki. Selain itu, penggunaan semula kain perca juga menjimatkan kos. Kesimpulannya, penggunaan semula kain perca memberi manfaat kepada penggemar fesyen tetapi turut memberi manfaat kepada golongan suri rumah.

Dalam kajian ini, pengkaji mengaplikasikan teknik manipulasi fabrik untuk mendapatkan tekstura pada permukaan kain bagi rekaan produk yang akan dihasilkan. Kajian teknik manipulasi fabrik juga dijalankan sebelum menghasilkan produk akhir dan mengenalpasti jenis-jenis kain yang berpotensi dalam penghasilan aksesori. Akhir sekali membuat validasi produk akhir yang dihasilkan.

## **BAB 2**

### **SOROTAN KAJIAN**

#### **2.0 PENGENALAN**

Bab 2 akan menerangkan mengenai sorotan kajian lepas yang pernah dijalankan oleh pengkaji atau penyelidik lain. Sorotan kajian merupakan fakta mengenai teori-teori lama yang menyokong objektif kajian yang akan membuktikan bahawa rujukan data yang diperoleh bukan rekaan semata-mata tetapi data yang yang daripada hasil kajian atau eksperimentasi yang dijalankan oleh pengkaji. Kajian lepas berperanan sebagai bahan rujukan untuk penyelidikan dan kajian baharu yang akan dijalankan oleh pengkaji lain. Sorotan kajian turut berperanan sebagai bahan bacaan yang akan membantu pengkaji lain untuk lebih memahami tajuk kajian yang akan dijalankan.


#### **2.1 KAJIAN LEPAS**

Kajian lepas berperanan penting sebagai bahan rujukan serta sumber maklumat tambahan dalam sesuatu kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji. Kajian lepas juga berperanan sebagai panduan untuk pengkaji baru dalam melaksanakan kajian sama ada untuk memperbaharui, menambahbaik atau menjalankan kajian yang lebih dalam lagi mengenai kajian lepas yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lepas. Kajian lepas daripada Nor Sharmiza Binti Mohamad (2016), Universiti Malaysia Sarawak, **Eksplorasi Pelbagai Jenis Beg Terbuang Dalam Penghasilan Produk Aksesori Fesyen**. Pengkaji menyatakan bahawa barangan terpakai mempunyai potensi untuk dijadikan sebuah koleksi aksesori. Kajian tersebut fokus kepada

penggunaan semula beg terbuang dalam penghasilan aksesori. Kajian ini membuktikan bahawa aksesori yang cantik boleh dihasilkan daripada bahan-bahan terbuang. Selain itu, penghasilan aksesori daripada bahan terbuang dapat menjimatkan kos dan mengurangkan pencemaran alam sekitar.

Bruno Munari mengatakan bahawa bahan terpakai boleh digunakan semula dalam pelbagai bentuk. Oleh itu, pereka perlu menjalankan analisis untuk mengenalpasti potensi dan sifat-sifat bahan kitar semula. Menurut kajian lepas Shivani Naik Devrukhkar (2017), "*A Qualitative study on the Implications of Textiles Waste Upcycling and its Sustainability*", beliau menyatakan bahawa antara inisiatif kain perca di Mumbai ialah menggunakan semula kain perca dalam penghasilan selimut. Kain perca akan dijahit secara berlapis dan dijahit sehingga dapat menghasilkan sebuah produk seperti selimut. Kajian lepas jelas membuktikan bahawa kain perca mempunyai nilai estetika dalam penghasilan produk lain yang boleh mendatangkan manfaat dalam kehidupan seharian.

## 2.2 KERANGKA KAJIAN



Rajah 1: Kerangka Kerja Kajian

Kerangka kajian menjadi panduan kepada pengkaji sepanjang kajian dijalankan. Kerangka kerja kajian membantu pengkaji mengenalpasti langkah awal kajian dalam penghasilan aksesori yang akan dihasilkan. Pengkaji akan mengenalpasti kain perca yang mempunyai nilai estetika yang berpotensi untuk digunakan, produktiviti dan trend aksesori semasa dengan mengaplikasikan teknik fabrik manipulasi.

Kajian teknik manipulasi fabrik dijalankan sebelum menghasilkan produk akhir. Kain perca yang digunakan oleh pengkaji ialah kain perca daripada siswa dan siswi Tekstil dan Fesyen, Unimas dan kedai menjahit yang berada di sekitar Kota Samarahan serta pensyarah Tekstil dan Fesyen daripada Unimas.

Pengkaji menjalankan pemerhatian trend aksesori semasa sebagai panduan dalam penghasilan aksesori. Selain daripada trend aksesori, pengkaji turut menjalankan kajian dari aspek teknik fabrik manipulasi kerana kajian. Pengkaji fokus kepada penghasilan aksesori yang dihasilkan daripada fabrik. Pengkaji juga menggunakan bahan-bahan lain seperti manik, labuci dan mutiara buatan sebagai bahan tambahan untuk menambah nilai estetika aksesori tersebut. Penggunaan bahan tersebut adalah bertujuan untuk menghasilkan aksesori yang menarik sesuai dengan trend aksesori semasa.

## **2.3 KESIMPULAN**

Kesimpulannya, pengkaji akan menjalankan eksperimentasi ke atas kain perca dengan mengaplikasikan teknik manipulasi fabrik yang sesuai. Sebelum eksperimentasi dijalankan pengkaji menjalankan penyelidikan dan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian sebagai bahan rujukan bagi memudahkan penyelidikan tersebut. Kajian ini diharap dapat mengurangkan pembuangan kain perca berlaku. Selain itu, memberi inisiatif kepada penggemar aksesori bagaimana menghasilkan aksesori yang berkos rendah.

## **BAB 3**


### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.0 PENGENALAN**

Metodologi kajian merupakan kaedah kajian yang digunakan untuk mengumpul dan menganalisis data bagi mendapatkan data yang tepat yang dapat menyokong kajian pengkaji. Metodologi kajian akan menerangkan bagaimana sesuatu kajian dan teknik yang digunakan oleh pengkaji sepanjang kajian dijalankan. Metodologi kajian juga berperanan membantu pengkaji untuk memahami dengan lebih mendalam lagi tentang penggunaan kaedah pengumpulan data yang akan diaplikasikan dalam kajian pengkaji. Terdapat beberapa kaedah pengumpulan data yang pengkaji akan gunakan untuk mendapatkan hasil dapatan kajian yang sistematik dan memenuhi objektif kajian yang ingin dicapai oleh pengkaji diakhir kajian. Kaedah yang akan digunakan oleh pengkaji untuk pengumpulan data ialah kaedah primer dan kaedah sekunder.

#### **3.1 METODOLOGI KAJIAN**

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, definisi metodologi ialah sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan. Metodologi juga bermaksud pengetahuan tentang kaedah kajian yang digunakan sepanjang kajian tertentu dijalankan untuk menjawab permasalahan kajian tersebut. Metodologi kajian merujuk kepada teknik atau kaedah pengumpulan data yang sesuai untuk sesuatu kajian dalam pengumpulan data. (Rujuk Rajah 2)



**Rajah 2: Carta Aliran Metodologi Kajian**